



Headline	Cari kaedah kurangkan harga rumah
MediaTitle	Sinar Harian
Date	09 Oct 2016
Section	Nasional
Page No	47
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Cari kaedah kurangkan harga rumah

SEREMBAN – Kerajaan negeri bersedia berbincang dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) bagi mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan kos pembinaan rumah kini yang ditanggung pemaju.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berharap pertemuan bersama pihak REHDA itu dapat diadakan secepat mungkin sekali gus memastikan industri perumahan di negeri ini terus berkembang.

"Saya sudah nyatakan kesanggupan untuk duduk bersama membincangkan masalah ini, terpujang kepada REHDA sahaja. Kita akan berbincang untuk melihat aspek pembangunan yang boleh dikecualikan bagi mengurangkan kos pembinaan dan harga rumah.

"Di Negeri Sembilan, kita akan lihat apa cara yang kerajaan boleh bantu misalnya mempercepatkan proses ke-



Mohamad (dua, kiri) mendengar penerangan Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts Holdings Berhad, Datuk Lee Tian Hock berkenaan projek perumahan di Bandar Sri Sendayan sambil diperhatikan Wang Lee (kiri).

lulusan, kerana jika tunggu lama kos pun akan meningkat dan lain-lain. Semua ini kita boleh bincang dengan lebih lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas hadir merasmikan Expo Perumahan dan Hartanah Negeri Sembilan (Mapex) 2016 di Seremban Prima di sini, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Presiden REHDA, Datuk Ir Soam Heng Choon; Pengerusi REHDA Negeri Sembilan, Jenny Wang Lee; Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jalaluddin Alias dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Datuk Abd

Halim Abd. Latiff.

Menurutnya, apabila kos pembinaan dapat dikurangkan sudah tentu pemaju dapat menjual rumah dengan harga lebih rendah.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya tidak sesekali akan berkompromi dengan aspek keselamatan yang perlu dititik beratkan oleh setiap pemaju.

"Jika industri perumahan terjejas ekonomi turut terjejas dan ada lebih kurang 145 industri yang berkait rapat dengannya.

"Kerajaan juga nak jaga kepentingan awam, kita juga tidak mahu ada pemaju yang gagal atau projek terbengkalai kerana rakyat juga menderita," katanya.

Sementara itu, Mapex 2016 kali ini menawarkan sebanyak 2,190 unit hartanah bernilai RM1.98 bilion untuk jualan sepanjang ekspos selama tiga hari bermula Jumaat di pusat beli belah Seremban Prima di sini.